



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

2
0
2
3

SITS

**STATISTIK PERDAGANGAN
PERKHIDMATAN ANTARABANGSA**
*STATISTICS OF INTERNATIONAL
TRADE IN SERVICES*

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

STATISTIK PERDAGANGAN PERKHIDMATAN ANTARABANGSA

STATISTICS OF INTERNATIONAL TRADE IN SERVICES

2023

Pemakluman

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian."

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan". DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Announcement

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics, Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook / Twitter / Instagram / Youtube : StatsMalaysia
Emel / *Email* : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / *general enquiries*)
data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data / *data request & enquiries*)

Harga / *Price* : RM15.00

Diterbitkan pada Jun 2024 / *Published on June 2024.*

Hakcipta terpelihara / *All rights reserved.*

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in data base without the prior written permission from Department of Statistics, Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source: Department of Statistics Malaysia”

ISSN 2462-1099

KATA PENGANTAR

Statistik Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa memaparkan eksport dan import perkhidmatan di bawah Statistik Imbangan Pembayaran (BOP) bagi siri tahun 2012 hingga 2023. Statistik ini meliputi semua komponen perkhidmatan selaras dengan garis panduan dalam *Balance of Payments and International Investment Position Manual, Sixth Edition (BPM6)*, *International Monetary Fund (IMF)* dan *Manual on Statistics of International Trade in Services (MSITS) 2010, United Nations*.

Statistik mengikut subkomponen dan negara rakan dagang utama dirangkumkan dalam penerbitan ini. Penerbitan ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama memaparkan ringkasan penemuan bagi tahun 2023 sementara jadual statistik terperinci dipaparkan pada bahagian kedua. Aspek teknikal seperti konsep, metodologi dan definisi pula dimuatkan pada bahagian akhir.

Statistik eksport dan import perkhidmatan boleh digunakan oleh agensi kerajaan, ahli ekonomi, ahli akademik serta individu bagi tujuan membuat perancangan dan penggubalan dasar, analisis ekonomi, unjuran dan dapat membantu merancang pembangunan perniagaan.

Jabatan merakamkan penghargaan atas kerjasama semua pihak dalam membekalkan data yang diperlukan dan menyumbang kepada kejayaan penerbitan ini. Sebarang maklum balas dan cadangan ke arah penambahbaikan penerbitan ini pada masa hadapan amatlah dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Ketua Perangkawan Malaysia

Jun 2024

PREFACE

Statistics of International Trade in Services presents the exports and imports of services under the Balance of Payments (BOP) statistics for the series of 2012 to 2023. The statistics covers all components of the services in accordance with the guidelines of the Balance of Payments and International Investment Position Manual, Sixth Edition (BPM6) of the International Monetary Fund (IMF) in accordance with the Manual on Statistics of International Trade in Services (MSITS) 2010 of United Nations.

Statistics by subcomponents and major trading partner countries are included in this publication. The publication is divided into three parts. The first part presents the findings for 2023 while detailed statistics tables are provided in the second part. Technical aspects such as concepts, methodologies and definitions are included in the final part.

The exports and imports of services statistics is used by government agencies, economists, academicians as well as individuals for the purpose of policy planning and formulations, economic analysis, projections and to assist in business development planning.

The Department acknowledges the cooperation of all parties that have provided the required data and contributed to the success of this publication. Any feedback and suggestions towards improving the future publications are highly appreciated.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Chief Statistician Malaysia

June 2024

ISI KANDUNGAN

CONTENTS

i

Kata Pengantar
Preface

1

Penemuan Utama
Main Findings

3

Ringkasan Penemuan
Summary of Findings

17

Artikel
Article

33

Jadual Statistik
Statistical Tables

34 **Eksport Perkhidmatan mengikut Komponen**
Exports of Services by Components

35 **Peratus Sumbangan Eksport Perkhidmatan mengikut Komponen**
Percentage Share of Exports of Services by Components

36 **Import Perkhidmatan mengikut Komponen**
Imports of Services by Components

37 **Peratus Sumbangan Import Perkhidmatan mengikut Komponen**
Percentage Share of Imports of Services by Components

38 **Imbangan Perdagangan Perkhidmatan mengikut Komponen**
Balance of Trade in Services by Components

39 **Eksport Perkhidmatan mengikut Negara Rakan Dagang Utama**
Exports of Services by Major Trading Partner Countries

40 **Peratus Sumbangan Eksport Perkhidmatan mengikut Negara Rakan Dagang Utama**
Percentage Share of Exports of Services by Major Trading Partner Countries

41 **Import Perkhidmatan mengikut Negara Rakan Dagang Utama**
Imports of Services by Major Trading Partner Countries

42 **Peratus Sumbangan Import Perkhidmatan mengikut Negara Rakan Dagang Utama**
Percentage Share of Imports of Services by Major Trading Partner Countries

43 **Imbangan Perdagangan Perkhidmatan mengikut Negara Utama**
Balance of Trade in Services by Major Countries

44 **Eksport dan Import Perkhidmatan mengikut Negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)**
Exports and Imports of Services by Organisation of Islamic Cooperation (OIC) Countries

45 **Peratus Sumbangan Eksport dan Import Perkhidmatan mengikut Negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)**
Percentage Share of Exports and Imports of Services by Organisation of Islamic Cooperation (OIC) Countries

46 **Eksport Perkhidmatan mengikut Negara Rakan Dagang Utama dan Komponen**
Exports of Services by Major Trading Partner Countries and Components

48 **Import Perkhidmatan mengikut Negara Rakan Dagang Utama dan Komponen**
Imports of Services by Major Trading Partner Countries and Components

51

Jadual Statistik Siri Masa, 2012 - 2017
Time Series Table, 2012 - 2017


57

Nota Teknikal
Technical Notes

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.
This page is deliberately left blank.

STATISTIK PERDAGANGAN PERKHIDMATAN ANTARABANGSA (SITS) 2023

RM billion



IMBANGAN PERDAGANGAN


-RM43.2b
(2022: -RM58.2b)

JUMLAH PERDAGANGAN

RM433.2b
(2022: RM341.0b)

KOMPONEN UTAMA

EKSPORT: RM195.0b (2022: RM141.4b)



IMPORT: RM238.2b (2022: RM199.6b)



RAKAN DAGANG UTAMA



Nota:


Eksport Import
b billion

Nilai negatif merujuk kepada defisit

Sumber: Statistik Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

STATISTICS OF INTERNATIONAL TRADE IN SERVICES (SITS) 2023

RM billion



BALANCE OF TRADE


-RM43.2b
(2022: -RM58.2b)

TOTAL TRADE


RM433.2b
(2022: RM341.0b)

MAJOR COMPONENTS

EXPORTS: RM195.0b (2022: RM141.4b)



IMPORTS: RM238.2b (2022: RM199.6b)



MAJOR TRADING PARTNERS




Notes:

Exports Imports
b billion
Negative value refers to deficit

Source: Statistics of International Trade in Services, Department of Statistics Malaysia (DOSM)

“Jumlah perdagangan perkhidmatan Malaysia merekodkan **RM433.2 bilion** pada 2023, merangkumi **23.8 peratus** daripada **Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)**”

Paparan 1: Eksport, Import dan Imbangan Perdagangan Perkhidmatan (RM bilion), 2019-2023




Jumlah perdagangan perkhidmatan Malaysia meningkat sebanyak 27.0 peratus merekodkan RM433.2 bilion pada tahun 2023 (2022: RM341.0 bilion), menyumbang 23.8 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada harga semasa. Eksport perkhidmatan meningkat sebanyak 37.9 peratus kepada RM195.0 bilion berbanding RM141.4 bilion pada tahun sebelumnya (**Paparan 1**). Trend peningkatan dalam eksport perkhidmatan dipacu oleh prestasi yang signifikan dalam Perjalanan, Perkhidmatan perniagaan lain, dan Pengangkutan. Import meningkat kepada RM238.2 bilion, menunjukkan peningkatan sebanyak 19.3 peratus daripada tahun sebelumnya, didorong oleh Pengangkutan, Perkhidmatan Perniagaan Lain, dan Perjalanan. Oleh kerana eksport berkembang lebih cepat berbanding import, defisit menyusut daripada RM58.2 bilion pada 2022 kepada RM43.2 bilion.

KOMPONEN UTAMA PERKHIDMATAN


Komponen utama dalam eksport perdagangan perkhidmatan pada tahun 2023 ialah Perjalanan, Perkhidmatan perniagaan lain, Pengangkutan, Telekomunikasi, komputer & maklumat dan Perkhidmatan pembuatan. Lima komponen ini menyumbang sebanyak 88.2 peratus daripada jumlah eksport perkhidmatan pada tahun 2023 (2022: 86.8%). Sementara itu, komponen utama import ialah Pengangkutan, Perkhidmatan perniagaan lain, Perjalanan, Telekomunikasi, komputer & maklumat dan Caj penggunaan harta intelek, di mana sumbangan komponen ini kepada jumlah import perkhidmatan adalah 84.7 peratus (2022: 84.3%) seperti yang ditunjukkan dalam **Paparan 2**.

Paparan 2: Eksport dan Import mengikut Komponen Perkhidmatan Utama, 2023

EKSPORT: RM195.0b




IMPORT: RM238.2b




Nota: (%) Sumbangan, b bilion

PERJALANAN

Carta 1: Eksport dan Import bagi Perjalanan, 2019-2023



Paparan 3: Eksport dan Import bagi Perjalanan mengikut Subkomponen, 2023




Nota: b bilion
Sebarang perbezaan dalam data agregat adalah disebabkan oleh pembundaran

Prestasi Perjalanan masih dalam proses pemulihan untuk mencapai tahap sebelum pandemik, dengan eksport mencatatkan peningkatan yang ketara daripada RM28.7 bilion kepada RM68.0 bilion pada 2023. Begitu juga import, berkembang sebanyak 70.3 peratus kepada RM50.9 bilion daripada RM29.9 bilion pada tahun sebelumnya (**Carta 1**). Perjalanan bertambah baik berikutan merekodkan lebih sebanyak RM17.1 bilion selepas mencatatkan defisit selama tiga tahun berturut-turut (2022: defisit RM1.2 bilion).

PERKHIDMATAN PERNIAGAAN LAIN

Carta 2: Eksport dan Import bagi Perkhidmatan Perniagaan Lain, 2019-2023



Paparan 4: Eksport dan Import bagi Perkhidmatan Perniagaan Lain, mengikut Subkomponen, 2023



Nota:
b bilion
Sebarang perbezaan dalam data agregat adalah disebabkan oleh pembundaran


Eksport Perkhidmatan perniagaan lain meningkat kepada RM36.8 bilion pada tahun 2023 berbanding RM31.6 bilion pada tahun sebelumnya. Import bagi komponen ini juga meningkat sebanyak 13.3 peratus kepada RM53.8 bilion, berbanding RM47.5 bilion pada tahun 2022 (**Carta 2**). Komponen ini mencatatkan defisit yang lebih tinggi sebanyak RM17.0 bilion berbanding defisit RM15.9 bilion pada tahun 2022.

Dari segi subkomponen, Perkhidmatan profesional & rundingan pengurusan terus mendominasi eksport, diikuti oleh Perkhidmatan teknikal, berkaitan perdagangan & perniagaan lain dan Perkhidmatan penyelidikan & pembangunan. Sementara itu, import tertinggi bagi Perkhidmatan perniagaan lain disumbangkan oleh subkomponen Perkhidmatan teknikal, berkaitan perdagangan & perniagaan lain diikuti oleh Perkhidmatan profesional & rundingan pengurusan dan Perkhidmatan penyelidikan & pembangunan (**Paparan 4**).

PENGANGKUTAN

Pengangkutan mencatatkan defisit yang lebih rendah sebanyak RM31.4 bilion pada tahun 2023 berbanding RM34.2 bilion pada tahun 2022. Eksport Pengangkutan meningkat 16.0 peratus daripada RM26.6 bilion pada tahun sebelumnya kepada RM30.8 bilion pada tahun 2023 (**Carta 3**). Pertumbuhan ini terutamanya didorong oleh terimaan yang lebih tinggi dalam pengangkutan penumpang udara. Eksport Pengangkutan didominasi oleh Pengangkutan udara diikuti oleh Pengangkutan laut. Import Pengangkutan meningkat sebanyak 2.5 peratus daripada RM60.8 bilion pada tahun sebelumnya kepada RM62.3 bilion terutamanya dalam Pengangkutan laut diikuti oleh Pengangkutan Udara seperti yang ditunjukkan dalam **Paparan 5**.

Carta 3: Eksport dan Import bagi Pengangkutan, 2019-2023




Paparan 5: Eksport dan Import bagi Pengangkutan, mengikut Subkomponen, 2023



TELEKOMUNIKASI, KOMPUTER DAN MAKLUMAT

Perkhidmatan telekomunikasi, komputer, dan maklumat mencatatkan defisit sebanyak RM4.0 bilion pada tahun 2023 (2022: defisit RM2.2 bilion), seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 4**. Eksport bagi komponen ini meningkat sebanyak 14.6 peratus kepada RM18.4 bilion berbanding RM16.0 bilion pada tahun 2022. Subkomponen Komputer kekal menjadi penyumbang tertinggi dengan RM13.1 bilion, diikuti oleh Telekomunikasi dan Maklumat. Pada masa yang sama, import bagi komponen ini juga meningkat sebanyak 22.8 peratus dari RM18.3 bilion pada tahun sebelumnya kepada RM22.4 bilion. Subkomponen Komputer menyumbang 56.1 peratus atau RM12.6 bilion mencatatkan jumlah import tertinggi, diikuti oleh Telekomunikasi (RM7.3 bilion) dan Maklumat (RM2.6 bilion) seperti yang ditunjukkan dalam **Paparan 6**.

Carta 4: Eksport dan Import bagi Telekomunikasi, Komputer dan Maklumat, 2019-2023




Paparan 6: Eksport dan Import bagi Telekomunikasi, Komputer dan Maklumat mengikut Subkomponen, 2023



PERKHIDMATAN PEMBUATAN

Perkhidmatan pembuatan bagi input fizikal yang dimiliki oleh pihak lain mencatatkan lebih yang lebih rendah sebanyak RM13.3 bilion pada tahun 2023 (2022: RM15.9 bilion). Eksport bagi komponen ini menurun kepada RM17.9 bilion berbanding RM19.7 bilion pada tahun 2022 (**Carta 5**). Sementara itu, import perkhidmatan pembuatan meningkat kepada RM4.6 bilion berbanding tahun sebelumnya (2022: RM3.9 bilion).


Carta 5: Eksport dan Import bagi Perkhidmatan Pembuatan, 2019-2023




LAIN-LAIN KOMPONEN PERKHIDMATAN

Paparan 7: Eksport dan Import bagi Lain-lain Komponen Perkhidmatan, 2023

Eksport: RM23.0b



Import: RM44.2b




Nota: (%) Sumbangan, b bilion

Lain-lain komponen perkhidmatan mencatatkan defisit sebanyak RM21.2 bilion pada tahun 2023 berbanding RM20.6 bilion dalam tahun sebelumnya. Eksport komponen ini meningkat kepada RM23.0 bilion (2022: RM18.7 bilion), disokong oleh Pembinaan, Persendirian, kebudayaan & rekreasi, Penyenggaraan & pembaikan, Kewangan dan Insurans & pencen. Begitu juga dengan import perkhidmatan berjumlah RM44.2 bilion, meningkat daripada RM39.3 bilion pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini terutamanya didorong oleh Caj penggunaan harta intelek, Insurans & pencen, Pembinaan, Penyenggaraan & pembaikan, dan Persendirian, kebudayaan & rekreasi (**Paparan 7**).

RANTAU DAGANG UTAMA


Asia terus menjadi destinasi utama untuk eksport perkhidmatan Malaysia pada tahun 2023, menyumbang sebanyak 63.5 peratus, sebahagian besarnya didorong oleh Perjalanan, Pengangkutan, dan Perkhidmatan perniagaan lain. Ini diikuti oleh Amerika (19.4%) dan Eropah (12.6%), seperti yang ditunjukkan dalam **Paparan 8**. Asia juga kekal sebagai sumber utama import perkhidmatan, merangkumi 49.7 peratus atau RM118.5 bilion. Ini diikuti oleh Amerika dengan sumbangan sebanyak 32.5 peratus dan Eropah (15.5%).

Paparan 8: Eksport dan Import mengikut Rantau, 2023



Nota: (%) Sumbangan, b bilion

Paparan 9: Eksport dan Peratus Sumbangan mengikut Negara Rakan Dagang Utama, 2023




Nota: (%) Sumbangan, b bilion

Singapura merupakan destinasi utama untuk eksport perkhidmatan Malaysia pada tahun 2023, meningkat 47.3 peratus daripada RM37.5 bilion pada tahun sebelumnya kepada RM55.3 bilion. Eksport ke Singapura terutamanya adalah Perjalanan, Perkhidmatan perniagaan lain dan Pengangkutan. Ini diikuti oleh Amerika Syarikat dengan nilai RM36.6 bilion terutamanya disumbangkan oleh Perkhidmatan pembuatan, Perkhidmatan perniagaan lain dan Pengangkutan (**Paparan 9**).


Sumber utama import perkhidmatan Malaysia adalah Amerika Syarikat berjumlah RM76.1 bilion pada tahun 2023 berbanding RM62.8 bilion pada tahun sebelumnya, terutamanya dalam Perjalanan, Perkhidmatan Perniagaan Lain, dan Pengangkutan dari negara ini. Singapura merupakan sumber kedua import dengan nilai RM41.3 bilion (2022: RM33.7 bilion), kebanyakannya dalam Pengangkutan, Telekomunikasi, komputer dan maklumat, serta Perkhidmatan perniagaan lain (**Paparan 10**).

Paparan 10: Import dan Peratus Sumbangan mengikut Negara Rakan Dagang Utama, 2023



“Malaysia’s total trade in services recorded **RM433.2 billion** in 2023, representing **23.8 per cent** of the **Gross Domestic Product (GDP)**”

Exhibit 1: Exports, Imports and Balance of Trade in Services (RM billion), 2019-2023




Malaysia’s total trade in services increased by 27.0 per cent to record RM433.2 billion in 2023 (2022: RM341.0 billion), contributing 23.8 per cent to the Gross Domestic Product (GDP) at current prices. Exports of services grew by 37.9 per cent to RM195.0 billion compared to RM141.4 billion in the previous year (**Exhibit 1**). The upward trend in services exports was driven by the significant performances in Travel, Other business services and Transport services. Imports rose to RM238.2 billion, an increase of 19.3 per cent from the preceding year, which was led by Transport, Other business services and Travel. As exports grew faster than imports, the deficit shrank from RM58.2 billion in 2022 to RM43.2 billion.

MAJOR SERVICES COMPONENTS


The major components of services exports in 2023 were Travel, Other business services, Transport, Telecommunications, computer & information and Manufacturing services. These five components accounted for 88.2 per cent of total services exports in 2023 (2022: 86.8%). Meanwhile, the main components of imports were Transport, Other business services, Travel, Telecommunications, computer & information and Charges for the use of intellectual property, wherein the share of these components to overall services imports was 84.7 per cent (2022: 84.3%) as shown in **Exhibit 2**.

Exhibit 2: Exports and Imports by Major Services Components, 2023

EXPORTS: RM195.0b



IMPORTS: RM238.2b



Notes: (%) Share, b billion

TRAVEL

Chart 1: Exports and Imports of Travel, 2019-2023





Exhibit 3: Exports and Imports of Travel by Subcomponents, 2023



Notes:
b billion
Any differences in the aggregated data are due to rounding.

Travel performance is still catching up to almost pre-pandemic highs, with exports of Travel recording a noteworthy increase from RM28.7 billion last year to RM68.0 billion in 2023. Similarly, imports also expanded by 70.3 per cent to RM50.9 billion as against RM29.9 billion in the previous year (Chart 1). Travel improved to a surplus of RM17.1 billion after recording a deficit for three consecutive years (2022: deficit RM1.2 billion).

OTHER BUSINESS SERVICES

Chart 2: Exports and Imports of Other Business Services, 2019-2023




Exhibit 4: Exports and Imports of Other Business Services by Subcomponents, 2023



Notes:
b billion
Any differences in the aggregated data are due to rounding.

Exports of Other business services increased to RM36.8 billion in 2023 as against RM31.6 billion in the preceding year. Imports of this component also rose by 13.3 per cent to RM53.8 billion, compared to RM47.5 billion in 2022 (**Chart 2**). This component logged a higher deficit of RM17.0 billion as compared to deficit RM15.9 billion in 2022.

In terms of subcomponent, Professional & management consulting services continued to dominate exports followed by Technical, trade-related & other business, and Research & development services. Meanwhile, the highest imports of Other business services were contributed by the subcomponent of Technical, trade-related & other business followed by Professional & management consulting and Research & development services (**Exhibit 4**).

TRANSPORT

Transport recorded a lower deficit of RM31.4 billion in 2023 compared to RM34.2 billion in 2022. Exports of Transport surged by 16.0 per cent from RM26.6 billion in the preceding year to RM30.8 billion in 2023 (**Chart 3**). The growth was mainly propelled by the higher receipts in air passenger transport. The exports of Transport were dominated by Air transport, followed by Sea Transport. Imports of Transport grew by 2.5 per cent from RM60.8 billion in the previous year to RM62.3 billion mainly by Sea transport, followed by Air transport as shown in **Exhibit 5**.

Chart 3: Exports and Imports of Transport, 2019-2023




Exhibit 5: Exports and Imports of Transport by Subcomponents, 2023



Notes:
b billion
Any differences in the aggregated data are due to rounding.

TELECOMMUNICATIONS, COMPUTER AND INFORMATION

Telecommunications, computer and information services recorded a deficit of RM4.0 billion in 2023 (2022: deficit RM2.2 billion), as shown in **Chart 4**. Exports of this component increased by 14.6 per cent to RM18.4 billion compared to RM16.0 billion in 2022. Computer subcomponent remained as the highest contributor with RM13.1 billion, followed by Telecommunications and Information. At the same time, imports of this component also rose by 22.8 per cent from RM18.3 billion in the previous year to RM22.4 billion. The Computer subcomponent accounted for 56.1 per cent or RM 12.6 billion posted the highest value of imports, followed by Telecommunications (RM7.3 billion) and Information (RM2.6 billion) as shown in **Exhibit 6**.

Chart 4: Exports and Imports of Telecommunications, Computer and Information, 2019-2023




Exhibit 6: Exports and Imports of Telecommunications, Computer and Information by Subcomponents, 2023




Notes:
b billion
Any differences in the aggregated data are due to rounding.

MANUFACTURING SERVICES

Manufacturing services on physical inputs owned by others posted a lower surplus of RM13.3 billion in 2023 (2022: RM15.9 billion). Exports of this component decreased to RM17.9 billion as against RM19.7 billion in 2022 (**Chart 5**). Meanwhile, imports of manufacturing services increased to RM4.6 billion as against the previous year (2022: RM3.9 billion).


Chart 5: Exports and Imports of Manufacturing Services, 2019-2023




OTHER COMPONENTS SERVICES

Exhibit 7: Exports and Imports of Other Components Services, 2023

Exports: RM23.0b



Imports: RM44.2b




Notes: (%) Share, b billion

Other services components recorded a deficit of RM21.2 billion in 2023 compared to RM20.6 billion in the previous year. Exports of these components increased to RM23.0 billion (2022: RM18.7 billion), supported by Construction, Personal, cultural & recreational, Maintenance & repair, Financial and Insurance & pension. Similarly, Other services imports totalled RM44.2 billion as opposed to RM39.3 billion in the previous year. The increase was primarily driven by Charges for the use of intellectual property, Insurance & pension, Construction, Maintenance and repair, and Personal, cultural & recreational services (**Exhibit 7**).

MAJOR TRADING REGION

Asia continued to be the main destination for Malaysia's services exports in 2023, accounting for 63.5 per cent, predominantly driven by Travel, Transport and Other Business Services. This was followed by the Americas (19.4%) and Europe (12.6%), as depicted in **Exhibit 8**. Asia also remained the major source of imports, constituting 49.7 per cent or RM118.5 billion. This was followed by Americas with a share of 32.5 per cent and Europe (15.5%).

Exhibit 8: Exports and Imports by Region, 2023



Notes: (%) Share, b billion

EXPORTS AND IMPORTS BY MAJOR TRADING PARTNERS

Exhibit 9: Exports and Percentage Share by Major Trading Partners, 2023





Exhibit 10: Imports and Percentage Share by Major Trading Partners, 2023



Notes: (%) Share, b billion

Singapore was the primary destination for Malaysia's services exports in 2023, which surged by 47.3 per cent from RM37.5 billion in the previous year to RM55.3 billion. Exports to Singapore were mainly in Travel, Other business services and Transport. This was followed by the United States of America (USA) with a value of RM36.6 billion primarily contributed by Manufacturing services, Other business services and Transport (**Exhibit 9**).

Malaysia's main services import source was the USA, valued at RM76.1 billion in 2023 as compared to RM62.8 billion in the previous year, particularly in Travel, Other business services and Transport from this country. Singapore was the second imports sources with a value of RM41.3 billion (2022: RM33.7 billion), predominantly in Transport, Telecommunications, computer and information and Other business services (**Exhibit 10**).

SITS 2023

STATISTICS OF INTERNATIONAL TRADE IN SERVICES

ARTIKEL | ARTICLE

Analisis Trend Eksport Akaun Semasa: Kajian Kes di Malaysia

Zuradi Jusoh; Pameza Abdul Harip; Amirah Nur Ahmad; Mohd Saiful Husain
Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran, Jabatan Perangkaan Malaysia


PENDAHULUAN

Imbangan Akaun Semasa (CAB) merupakan konsep asas dalam ekonomi dan kewangan antarabangsa dalam memberikan gambaran mengenai ekonomi secara keseluruhan antara ekonomi sesebuah negara dengan seluruh dunia. Ia mewakili aliran bersih barangan, perkhidmatan, pendapatan dan pindahan antara sesebuah negara dengan rakan dagangnya dalam tempoh tertentu, kebiasaanya dalam setahun.

Konsep utama CAB menunjukkan perbezaan antara pendapatan sesebuah negara daripada eksport barangan dan perkhidmatan dengan jumlah yang dibelanjakan untuk import, bersama pendapatan yang diperolehi daripada pelaburan di luar negara serta pindahan seperti kiriman wang dan bantuan asing. Akaun ini adalah penting untuk kestabilan ekonomi bagi mengukur kekuatan ekonomi, daya saing dan potensi dalam memberi isyarat tentang hala tuju ekonomi. CAB juga boleh mengukur kedudukan perdagangan global sesebuah negara sama ada dari segi pertumbuhan ekonomi dan pekerjaan atau kebergantungan terhadap barangan dan modal asing yang boleh memberi kesan kepada industri dan pekerjaan dalam negara. Tambahan pula, CAB boleh mempengaruhi pasaran kewangan dan kadar tukaran mata wang melalui pelaburan yang masuk dan keluar dari sesebuah negara.

Walaupun persekitaran global mencabar pada tahun 2023, kedudukan luaran Malaysia menunjukkan daya tahan dengan CAB mencatatkan lebih yang lebih kecil iaitu RM28.2 bilion (1.5% daripada KDNK) berbanding RM57.2 bilion (3.2% daripada KDNK) pada tahun 2022. Pengurangan dalam lebih barangan ini disebabkan oleh eksport yang lebih rendah, sebahagiannya diimbangi oleh pengurangan defisit dalam akaun pendapatan dan perkhidmatan.

Carta 1: Imbangan Akaun Semasa Malaysia (CAB) (RM Bilion), 2005-2023



Carta 1 menunjukkan CAB Malaysia dari tahun 2005 hingga 2023. Sepanjang tempoh ini, CAB Malaysia yang tertinggi berjumlah RM131.4 bilion telah direkodkan pada tahun 2008, didorong oleh eksport bersih barangan yang kukuh dan lebih dalam akaun perkhidmatan. Walau bagaimanapun, CAB pada tahun 2023 berada pada paras yang lebih rendah iaitu sebanyak RM22.8 bilion, disokong terutamanya oleh eksport bersih barangan.

Akaun Barangan kekal dalam lebihan walaupun eksport merosot pada kadar yang lebih pantas berbanding import. Ini menyebabkan lebihan barangan lebih rendah sebanyak RM136.2 bilion (2022: RM187.3 bilion). Penurunan eksport terutamanya disebabkan oleh permintaan global yang perlahan terhadap barangan daripada rakan dagang utama, kitaran menurun teknologi global dan harga komoditi yang lebih rendah.

Akaun Perkhidmatan secara konsisten menunjukkan defisit dari tahun 2005 dan tahun-tahun berikutnya, walaupun akaun ini pernah mencapai imbalan positif dari tahun 2007 hingga 2011. Akaun Perkhidmatan mencatatkan defisit yang lebih kecil iaitu RM43.2 bilion pada tahun 2023 (2022: -RM58.2 bilion), menunjukkan pemulihan kukuh dalam terimaan Perjalanan kepada RM68.0 bilion (2022: RM28.7 bilion). Ini disokong oleh peningkatan jumlah pelancong serantau dengan pemulihan semula pelancongan dari China, kesan daripada pembukaan semula sekatan perjalanan berikutan COVID-19 yang memberikan rangsangan tambahan kepada kemasukan pelancong asing.

Akaun Pendapatan yang merangkumi akaun Primer dan Sekunder secara konsisten menunjukkan nilai defisit selama 14 tahun yang lalu. Dalam akaun pendapatan, defisit pendapatan primer menurun kepada RM52.1 bilion (2022: -RM56.9 bilion). Ini terutamanya disebabkan oleh pendapatan pelaburan yang lebih rendah yang diperolehi pelabur asing di Malaysia berikutan pendapatan eksport yang lebih rendah. Akaun pendapatan sekunder pula mencatatkan defisit yang lebih kecil iaitu RM11.8 bilion (2022: -RM14.9 bilion). Ini disokong oleh kiriman wang masuk yang lebih tinggi daripada rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara, yang sebahagiannya diimbangi oleh peningkatan berterusan dalam kiriman wang keluar oleh pekerja asing.

CAB memberi gambaran tentang kesejahteraan ekonomi sesebuah negara, hubungan perdagangannya dan peranannya dalam ekonomi global. CAB berfungsi sebagai alat penting bagi para penggubal dasar, ahli ekonomi, pelabur dan perniagaan untuk menilai prestasi ekonomi, mengenalpasti kelemahan dan membuat keputusan yang tepat dalam dunia yang semakin saling berhubung.

Memandangkan eksport adalah penting dalam prestasi CAB, artikel ini menyumbang kepada pemahaman tentang trend eksport Malaysia dan meramalkan sumbangan pelbagai item eksport kepada keseluruhan CAB Malaysia.

PERUNGKAIAN: BAGAIMANA EKSPORT MEMACU ARAH AKAUN SEMASA NEGARA

Istilah "Eksport" dalam konteks Imbalan Akaun Semasa merujuk khusus kepada nilai barangan dan perkhidmatan yang dijual oleh sesebuah negara kepada entiti asing. Eksport ini memberi sumbangan positif kepada CAB dengan menjana pendapatan untuk negara pengeksporth.

Eksport adalah penting untuk pertumbuhan ekonomi dan daya saing negara. Apabila sesebuah negara berjaya sebagai pengeksporth, ini akan meningkatkan pembangunan industri secara langsung, merangsang inovasi dan meningkatkan produktiviti domestik. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi prestasi eksport termasuk daya saing dari segi harga berbanding

pesaing asing, kemajuan teknologi bagi memastikan kualiti, kadar tukaran mata wang, dasar perdagangan dan juga permintaan global.


Bagi Malaysia, item dalam CAB terdiri daripada akaun Barangan, akaun Perkhidmatan, akaun Primer dan akaun Sekunder. Eksport memainkan peranan penting dalam menentukan prestasi CAB. Apabila nilai eksport melebihi nilai import, ini menyumbang kepada lebihan dalam akaun semasa yang bermaksud negara tersebut memperoleh pendapatan yang lebih baik berbanding perbelanjaan.

Secara keseluruhan, eksport adalah komponen penting dalam CAB yang menggambarkan keupayaan daya saing sesebuah negara di pasaran global dan sumbangannya kepada pertumbuhan dan kestabilan ekonomi negara.

Prestasi Eksport Barangan, Perkhidmatan dan Pendapatan Malaysia

Carta 2 menunjukkan jumlah eksport barangan Malaysia telah meningkat dengan ketara, melebihi RM1 trilion bermula dari tahun 2021. Sebelum ini, julat eksport barangan berada antara RM540.0 bilion dan RM800.0 bilion dari tahun 2005 hingga 2020. Lebihan perdagangan barangan Malaysia mengecil pada tahun 2023 dengan eksport bersih mencapai RM136.2 bilion (2022: lebihan RM187.3 bilion). Pengurangan ini menunjukkan penurunan 14.7 peratus dalam eksport barangan dengan merekodkan RM1.1 trilion pada 2023 berbanding RM1.2 trilion pada 2022. Walaupun berlaku penurunan, Malaysia kekal memiliki imbalan perdagangan barangan yang positif dengan eksport menyumbang 53.4 peratus daripada jumlah perdagangan barangan berbanding 46.6 peratus untuk import.

Carta 2: Eksport Perdagangan Malaysia dalam Barangan dan Perkhidmatan (RM Bilion)



Pada waktu yang sama, eksport perkhidmatan telah berkembang secara berterusan sejak tahun 2000 dengan nilai yang melangkaui RM170 bilion selepas pandemik. Pertumbuhan ini berterusan pada tahun 2023 dengan mencecah RM195.0 bilion. Walaupun berlaku pertumbuhan ini, sektor perkhidmatan masih bergantung kepada import dengan menyumbang 55.0 peratus daripada jumlah perdagangan perkhidmatan pada tahun 2023 berbanding eksport pada 45.0 peratus. Komponen perjalanan, perkhidmatan perniagaan lain dan pengangkutan merupakan pemacu utama eksport perkhidmatan.

Carta 3: Eksport Pendapatan Primer dan Sekunder (RM Bilion)



Carta 3 menunjukkan trend bagi item eksport CAB Malaysia, khususnya bagi Akaun Pendapatan Primer dan Akaun Sekunder dari tahun 2005 hingga 2023. Eksport Pendapatan Primer dan Sekunder menunjukkan trajektori yang positif, menggambarkan trend turun naik terutamanya bagi tahun 2020 dan tahun-tahun seterusnya. Pada tahun 2023, terimaan Pendapatan Primer mencecah RM90.1 bilion manakala Pendapatan Sekunder berjumlah RM33.3 bilion.

METODOLOGI

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan data sekunder. Fakta dan angka berkaitan Imbangan Pembayaran diperoleh daripada laman web Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Bank Negara Malaysia (BNM) dan lain-lain sumber.

Analisis Deskriptif

Statistik deskriptif adalah cabang statistik yang memfokuskan untuk merumuskan dan menghuraikan ciri-ciri utama set data. Statistik deskriptif bertujuan untuk memberikan gambaran keseluruhan yang jelas dan ringkas tentang data itu sendiri.

Analisis Korelasi

Analisis korelasi adalah kaedah statistik yang digunakan untuk mengukur dan menilai hubungan antara dua atau lebih pemboleh ubah dalam set data. Ia menilai sejauh mana perubahan dalam satu pemboleh ubah dikaitkan dengan perubahan dalam pemboleh ubah lain. Ukuran utama yang digunakan dalam analisis korelasi adalah pekali korelasi. Pekali korelasi mengukur kekuatan dan arah hubungan antara dua pemboleh ubah. Julat bagi analisis korelasi adalah dari -1 hingga +1:

- Pekali korelasi +1 menunjukkan korelasi positif sempurna, iaitu apabila nilai satu pemboleh ubah meningkat, nilai pemboleh ubah yang lain juga akan meningkat secara linear.
- Pekali korelasi -1 menunjukkan korelasi negatif sempurna, iaitu apabila nilai satu pemboleh ubah meningkat, nilai pemboleh ubah yang lain akan menurun secara linear.
- Pekali korelasi yang hampir dengan sifar menunjukkan tiada hubungan linear antara pemboleh ubah tersebut

Plot serakan (*scatter plot*) memberikan gambaran secara grafik tentang hubungan antara pembolehubah dan dapat membantu untuk mengenal pasti corak dan trend. Terdapat tiga jenis korelasi dan syarat khusus untuk setiap daripadanya adalah seperti berikut:

- **Korelasi *Pearson*:** Jenis korelasi yang paling biasa digunakan apabila kedua-dua pembolehubah adalah berterusan dan bertaburan secara normal.
- **Korelasi *Spearman*:** Digunakan apabila pembolehubah adalah berperingkat atau apabila hubungannya adalah bukan linear.
- **Korelasi *Kendall*:** Hampir sama dengan korelasi *Spearman* tetapi sesuai untuk saiz sampel yang lebih kecil dan kurang sensitif terhadap *outlier*.

Analisis Siri Masa

Analisis siri masa adalah kaedah statistik yang digunakan untuk menganalisis dan menginterpretasi data yang dikumpul dan direkodkan dari semasa ke semasa. Bagi tujuan menganggarkan item dalam eksport Akaun Semasa, analisis siri masa telah digunakan dalam kajian ini. Semua item yang menyumbang kepada eksport akaun semasa akan dianggarkan menggunakan kaedah trend:

Kaedah Trend

- Exponential smoothing forecast*
- Holt's linear trend method*
- Damped trend methods*

KEPUTUSAN


Kajian ini adalah untuk mengenal pasti korelasi antara komponen eksport dalam Akaun Semasa di Malaysia. Data daripada Statistik Imbangan Pembayaran, Jabatan Perangkaan Malaysia (2005-2023) telah digunakan. Analisis ini memberi tumpuan kepada lima pembolehubah: Eksport Akaun Semasa (pembolehubah tidak bersandar) dan Barangan, Perkhidmatan, Pendapatan Primer, dan Pendapatan Sekunder (pembolehubah bersandar). Data tersebut terdiri daripada 19 siri, dengan nilai purata dan sisihan piawai bagi setiap pembolehubah seperti yang diringkaskan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Ringkasan Statistik

PEMBOLEHUBAH	OBS	MEAN	STD.DEV.	MIN	MAX
Eksport	19	30,499.80	230,548.80	635,457.80	1,494,731.00
Barangan	19	40,681.70	184,421.10	540,680.80	1,237,226.00
Perkhidmatan	19	24,822.50	33,342.47	73,013.86	194,995.30
Primer	19	53,348.99	20,627.44	20,626.60	97,698.30
Sekunder	19	11,646.62	9,672.91	1,136.61	33,278.70

Berdasarkan Carta 4, kebanyakan titik diplotkan dalam garis lurus dari hampir titik asal ke nilai-y tertinggi, menunjukkan wujudnya korelasi yang positif antara pembolehubah ini.

Carta 4: Korelasi matrik




Jadual 2: Pekali korelasi

	Eksport	Barangan	Perkhidmatan	Primer	Sekunder
Eksport	1.0000				
Barangan	0.9896	1.0000			
Perkhidmatan	0.6061	0.4908	1.0000		
Primer	0.9477	0.9410	0.4954	1.0000	
Sekunder	0.8568	0.8227	0.5852	0.8066	1.0000

Pekali korelasi bagi keseluruhan eksport dalam akaun semasa dengan pembolehubah barangan, pendapatan primer dan sekunder masing-masing mempunyai korelasi positif yang kuat iaitu ($r = 0.9896$), ($r = 0.9477$), dan ($r = 0.8568$). Manakala, korelasi sederhana positif bagi perkhidmatan pada $r = 0.6061$.

Analisis siri masa item Eksport dalam Imbangan Pembayaran

Carta 5: Analisis siri masa Eksport Barangan, Perkhidmatan, Primer dan Sekunder (RM Juta)



Analisis siri masa telah dilaksanakan untuk eksport barangan, perkhidmatan, akaun pendapatan primer dan sekunder. Analisis untuk semua item ini dibuat menggunakan kaedah *linear trend* untuk menganggarkan kedudukan eksport item Akaun Semasa bagi tempoh 5 tahun akan datang. Berdasarkan analisis ini, akaun barangan dijangka meningkat sebanyak 1.7 peratus iaitu pada RM1,148.7 bilion. Walau bagaimanapun, nilai eksport barangan diunjurkan berada antara RM1.0 trilion hingga RM1.3 trilion pada tahun 2028. Pada masa yang sama, pendapatan primer dan sekunder juga dijangka meningkat masing-masing sebanyak 1.9 peratus dan 2.8 peratus.

Antara tahun 2005 hingga 2023, beberapa faktor ekonomi telah memberi kesan kepada keadaan seperti krisis ekonomi pada tahun 2008. Pada penghujung tahun 2019, dunia telah dikejutkan dengan wabak COVID-19, yang menjejaskan kebanyakan aktiviti ekonomi pada tahun 2020. Ini dapat dilihat pada graf item akaun perkhidmatan Malaysia yang menurun sebanyak 45.4 peratus, kebanyakannya dikaitkan dengan Perjalanan. Pendapatan Primer turut terjejas teruk oleh COVID-19 pada tahun 2020, namun pulih dengan ketara pada tahun 2021 apabila mencatatkan RM97.7 bilion.

KESIMPULAN

Kajian ini menyimpulkan bahawa wujud hubungan positif yang kukuh antara eksport akaun semasa dengan barangan, pendapatan primer dan pendapatan sekunder Malaysia. Ini menunjukkan bahawa kestabilan dalam akaun semasa memberi kesan yang signifikan kepada perdagangan barangan dan terimaan pendapatan Malaysia, terutamanya pendapatan primer.

Malaysia memiliki asas yang kukuh, dan terdapat ruang untuk meningkatkan perkhidmatan Perdagangan negara. Pelaburan strategik dalam program pendidikan dan latihan boleh melengkapkan rakyat Malaysia dengan kemahiran yang diperlukan untuk sektor bernilai tinggi seperti IT, kejuruteraan, dan kewangan, sekali gus mewujudkan tenaga kerja global yang lebih berdaya saing. Selain itu, menggalakkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam perkhidmatan boleh membawa kepada penawaran inovatif yang menarik pelanggan asing.

Malaysia juga perlu memberi sokongan kepada penyedia perkhidmatan melalui bantuan pemasaran dan promosi, termasuklah penyertaan dalam pameran perdagangan, persidangan, dan inisiatif dalam talian, adalah penting. Memanfaatkan kekuatan sedia ada dalam pelancongan, logistik, dan penjagaan kesihatan serta meneroka industri perkhidmatan baharu dan yang sedang pesat membangun seperti ekonomi digital, perkhidmatan alam sekitar, dan industri kreatif boleh memberi manfaat kepada perkhidmatan perdagangan negara untuk mengukuhkan eksport perkhidmatan di Malaysia pada masa hadapan.

PENAFIAN

Pandangan yang diutarakan adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan DOSM.

RUJUKAN

